



## **IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan akademik Universiti Awam (UA) untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. Gred : Utama B VU6
3. Jadual Gaji : Minimum - Maksimum (RM7,788.05 - RM15,900.42)
4. Elaun :

Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM1,600.00
Imbuhan Tetap Keraian	:	RM3,050.00
Imbuhan Tetap Jawatan	:	RM1,500.00
Elaun Pembantu Rumah	:	RM 500.00
Bantuan Menyelenggara Rumah	:	RM2,000.00 (setahun)
Elaun Khas Pentadbiran	:	RM1,500.00
5. Taraf lantikan : Tukar Sementara/ Pinjaman/ Kontrak
6. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
7. Kelayakan : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas 'C' VK7 dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).
8. Kriteria Lantikan :
  - a) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cermelang dan dihormati rakan sejawat;
  - b) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaiannya dalam apa jua situasi;
  - c) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah kepimpinannya;
  - d) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertangungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab demi kepentingan masyarakat dan Negara;



- e) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik dan berhemah;
- f) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan; dan
- g) Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Memperakukan Pemilihan Timbalan Naib Canselor yang dipengerusikan Lembaga Pengarah Universiti.

9. Kriteria Khusus : Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (UA) adalah seperti berikut:

- a) Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dan kelayakan Profesional; Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD.
- b) Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*curriculum design*); Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.



- c) **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran;** TNC (A&A) adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.
- d) **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan;** Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat (Profesor Madya ke bawah), penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, calon hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwacan, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- e) **Pengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya;** Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pascasiswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.
- f) **Hal Ehwal Antarabangsa;** Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.



10. Cara memohon : Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan menyertakan bersama dokumen seperti berikut:
- i) 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran passport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:-
    - a) Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan no. telefon;
    - b) Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang;
    - c) Senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal dan buku);
    - d) Anugerah dan hadiah yang berprestij yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
    - e) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara; dan
    - f) Dua nama penyokong sebagai rujukan (referee).
  - ii) Kertas cadangan yang boleh membantu UniSZA meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat menjayakan UniSZA sebagai Universiti terkemuka di peringkat nasional dan antarabangsa.



11. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
12. Sebarang pertanyaan, sila hubungi;

**Pendaftar**

Pejabat Pendaftar  
Aras 1, Bangunan Canselori  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus, Terengganu  
No. Tel: 09-6688273/ 8360  
E-mel : pendaftar@unisza.edu.my

13. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar di alamat:

**PENDAFTAR  
PEJABAT PENDAFTAR  
ARAS 1, BANGUNAN CANSELORI  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
KAMPUS GONG BADAK  
21300 KUALA NERUS, TERENGGANU**

14. Tarikh tutup permohonan pada **22 September 2016 (Khamis)**.